



AXA Medic Essential


Perlindungan Perubatan
yang Penting untuk Anda



Perlindungan Perubatan yang Penting untuk Anda

“

AXA Medic Essential adalah pelan perubatan yang anda dan keluarga anda perlu ada untuk ketenangan fikiran.



”

Ada kalanya seseorang itu diduga dengan ketidakpastian tentang masalah kesihatan dan kewangan mereka. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai perlindungan tambahan untuk melindungi diri anda dan orang tersayang. Memandangkan ada kebarangkalian kejadian yang tidak diduga berlaku, kami di sini menyediakan anda dengan pelan perubatan yang dilengkapi dengan manfaat perlindungan kesihatan yang penting dengan premium yang berpatutan.

AXA Medic Essential adalah pelan perubatan tunggal untuk membantu anda dan keluarga ketika waktu sukar. Selain perlindungan perubatan rawatan pesakit dalam dan pesakit luar, pelan ini juga dilengkapi dengan perlindungan kematian dan sokongan kewangan untuk anda dan keluarga ketika dikuarantin untuk perubatan. Pelan ini dijamin akan diperbaharui sehingga 81 tahun dengan TIADA HAD SEUMUR HIDUP untuk memenuhi keperluan keluarga dan perlindungan perubatan seumur hidup anda.



Ciri-ciri Produk

Perlindungan Perubatan yang Penting

Pelan ini memberikan anda perlindungan perubatan **sehingga 81 tahun**, dengan perlindungan perubatan penting seperti prosedur pembedahan harian, rawatan perubatan pesakit dalam dan pesakit luar, yang merangkumi dialisis buah pinggang dan rawatan barah pesakit luar.



Sokongan Kewangan Sekiranya Perlu Dikuarantin Untuk Perubatan

Elaun harian akan dibayar sekiranya anda dimasukkan ke hospital kerajaan. Selain itu, kami akan membayar dua kali ganda elaun harian jika anda menghidap penyakit yang memerlukan anda dimasukkan ke wad pengasingan hospital kerajaan untuk membantu anda **menampung perbelanjaan sara hidup** dan keperluan lain. Perlindungan ini adalah perlu ada dalam situasi ancaman pandemik sekarang.



Perlindungan Kematian

Kami prihatin tentang keluarga anda oleh itu kami menyediakan perlindungan kematian sehingga **RM5,000** sebagai perbelanjaan pengebumian untuk meringankan beban keluarga anda. Bagi kematian akibat kemalangan, Demam Denggi, Zika atau dimasukkan ke hospital di wad pengasingan, bayaran tambahan diberikan sehingga **RM40,000**.



Jadual Manfaat Bagi AXA Medic Essential

Pelan	Smart	Care	Classic	Premier
Had Tahunan (terpakai untuk manfaat no. 1 hingga no. 11)	RM100,000	RM120,000	RM120,000	RM220,000
Had Seumur Hidup	Tiada Had			
Deduktibel (terpakai untuk manfaat no. 1 hingga no. 10)	RM250		Sifar	

Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan (untuk mana-mana satu hilang upaya)

Pelan	Smart	Care	Classic	Premier
1	Bilik dan Penginapan Hospital (maksimum setiap hari)	RM100	RM150	RM300
	Bilangan hari maksimum	120 hari untuk mana-mana satu hilang upaya		
2	Unit Rawatan Rapi	Seperti caj yang dikenakan		
	Bilangan hari maksimum	120 hari untuk mana-mana satu hilang upaya		
3	Fi Berkaitan Pesakit Dalam (a) Bekalan dan Perkhidmatan Hospital (b) Fi Pembedahan (c) Fi Pakar Bius (d) Fi Dewan Bedah (e) Ubat Dipreskripsikan Pesakit Dalam (f) Prosedur Diagnostik Pesakit Dalam dan Fisioterapi Pesakit Dalam (g) Lawatan Pakar Perubatan Pesakit Dalam (sehingga 2 lawatan sehari bagi setiap pakar perubatan)	Seperti caj yang dikenakan		
	(h) Caj Laporan Perubatan	Sehingga RM50 untuk setiap penghospitalan	Sehingga RM200 untuk setiap penghospitalan	
	4	Fi Ambulans	Sehingga RM350 untuk setiap penghospitalan	
5	Manfaat Penjagaan Harian Anak (untuk anak berumur di bawah 15 tahun)	Tidak berkenaan		Seperti caj yang dikenakan
	Bilangan hari maksimum	60 hari untuk mana-mana satu hilang upaya		
6	Elaun Harian untuk Kemasukan di Hospital Kerajaan	RM60 sehari		
	Bilangan hari maksimum	60 hari untuk mana-mana satu hilang upaya		
7	Elaun Harian Tambahan untuk Kemasukan di Wad Pengasingan Hospital Kerajaan	RM60 sehari		
	Bilangan hari maksimum	30 hari untuk mana-mana satu hilang upaya		

Jadual Manfaat Bagi AXA Medic Essential

Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar (untuk mana-mana satu hilang upaya)

Pelan	Smart	Care	Classic	Premier
8	Pembedahan Harian dan Prosedur Pembedahan Harian Seperti caj yang dikenakan			
9	Manfaat Sebelum Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalan) (a) Rundingan (b) Ujian Diagnostik			Sehingga RM3,000
10	Manfaat Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 150 hari selepas keluar dari hospital) (a) Perubatan dan Rawatan (b) Fisioterapi Pesakit Luar ¹			Sehingga RM6,000
11	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan dan Rawatan Susulan (dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan)			Sehingga RM3,000

Bahagian C: Manfaat Khas (had tambahan di atas Had Tahunan)

Pelan	Smart	Care	Classic	Premier
12	Penjagaan Kejururawatan di Rumah Bilangan hari maksimum			Sehingga RM5,000 seumur hidup
	Sehingga RM4,000 seumur hidup			180 hari seumur hidup
13	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Sehingga RM200,000 seumur hidup	Sehingga RM280,000 seumur hidup	Sehingga RM390,000 seumur hidup
14	Rawatan Kanser Pesakit Luar			
15	Perbelanjaan Pengebumian	RM1,000	RM2,000	RM5,000
16	Kematian akibat Kemalangan	RM1,000	RM10,000	RM20,000
17	Kematian akibat Demam Denggi, Zika atau semasa Penghospitalan di Wad Pengasingan	RM1,000	RM20,000	RM40,000

- Nota:**
- Manfaat no. 7 dibayar sebagai tambahan kepada manfaat no. 6.
 - Manfaat no. 12 hingga no. 17 tidak tertakluk kepada Had Tahunan, dan sebarang tuntutan yang dibuat di bawah manfaat ini tidak akan mengurangkan Had Tahunan.
 - Manfaat no. 15 dibayar sebagai tambahan kepada manfaat no. 16 dan no. 17.
 - Manfaat no. 17, penempatan di wad pengasingan mestilah kuarantin wajib yang dikehendaki oleh undang-undang atau ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Malaysia.
 - Sila rujuk kepada soalan kerap ditanya untuk penerangan lebih lanjut tentang deduktibel.
 - Sila rujuk kontrak tambahan untuk keterangan manfaat penuh.

¹Fisioterapi mesti dilakukan di hospital yang sama di mana Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital.

Soalan Kerap Ditanya

Siapakah yang boleh diinsuranskan di bawah AXA Medic Essential?

1

Sesiapa yang berumur antara **15 hari dan 65 tahun (umur hari lahir yang terakhir)**. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada pengunderaitan.

Bagaimanakah saya boleh mendapatkan AXA Medic Essential?

2

Sila rujuk kepada ejen anda atau hubungi kami untuk maklumat lanjut.

Berapakah jumlah premium yang saya perlu bayar?

3

Premium yang perlu dibayar bergantung kepada umur, jantina, pekerjaan, status kesihatan dan jenis pelan yang anda pilih. Premium perlu dibayar akan meningkat selaras dengan umur tercapai anda. Sila rujuk kepada Lampiran I bagi jadual Kadar Premium Tahunan untuk hayat standard.

Premium perlu dibayar sepanjang tempoh pelan. Anda perlu memaklumkan kepada kami, sebarang perubahan dalam pekerjaan, kegiatan dan aktiviti sukan anda memandangkan ia mungkin memberi kesan kepada premium serta terma-terma dan syarat-syarat pelan ini.

Adakah premium yang dibayar terjamin?

4

Premium adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk mengubah premium pembaharuan berdasarkan faktor risiko pada ulang tahun polisi dengan memberi anda notis sekurang-kurangnya 90 hari.

Soalan Kerap Ditanya

5

Bagaimanakah deduktibel berfungsi?

Pembayaran balik bagi sebarang perbelanjaan yang layak sentiasa tertakluk kepada jumlah deduktibel, jika berkenaan. Anda mesti terlebih dahulu membayar amaun deduktibel untuk jumlah perbelanjaan yang layak yang ditanggung bagi mana-mana satu hilang upaya dan kami akan membayar lebihan tersebut, jika ada, dan tertakluk kepada had pelan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Deduktibel terpakai kepada manfaat no. 1 hingga no. 10 Jadual Manfaat.

Contoh untuk RM250 deduktibel:

Seorang lelaki berumur 30 tahun membeli pelan AXA Medic Essential Care dengan RM250 deduktibel. Dia dimasukkan ke hospital pada Disember 2020 disebabkan oleh apendiks dan tiada tuntutan dibuat sebelum ini. Selepas 3 hari penghospitalan, dia dibenarkan pulang dengan bil perubatan RM10,000.

Dengan andaian jumlah perbelanjaan perubatan yang layak ialah RM10,000. Dia perlu terlebih dahulu membayar RM250 dan baki RM9,750 akan dibayar oleh AXA Medic Essential.

6

Bilakah perlindungan akan bermula?

Perlindungan akan bermula serta-merta selepas pelan mula berkuat kuasa bagi penghospitalan akibat kemalangan. Terdapat tempoh menunggu 120 hari untuk penghospitalan akibat penyakit tertentu dan 30 hari untuk penyakit yang lain.

Penyakit tertentu merujuk kepada kehilangan upaya berikut dan komplikasi yang berkaitannya:

- Hipertensi, diabetes melitus atau penyakit kardiovaskular;
- Sebarang jenis ketumbuhan termasuk tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu ginjal atau batu pundi hempedu;
- Sebarang penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) atau tekak;
- Hernia, hemoroid, fistula, hidrosel atau varikosele;
- Sebarang penyakit sistem pembiakan termasuk endometriosis; atau
- Sebarang gangguan pada tulang belakang (termasuk tetapi tidak terhad kepada cakera tergelincir) atau sebarang keadaan lutut.

7

Di manakah saya boleh memperolehi senarai panel hospital terkini?

Anda boleh mendapatkan senarai panel hospital terkini di laman web rasmi kami di www.axa.com.my.

Soalan Kerap Ditanya

Bagaimanakah caranya untuk membuat tuntutan?

8

Sekiranya diperlukan, kemudahan tanpa tunai akan disediakan di panel hospital untuk kemasukan anda. Sebaiknya anda menyediakan laporan perubatan sebelum sebarang kemasukan ke hospital bagi sesuatu rawatan yang telah dirancang. Bergantung kepada hospital, anda mungkin diminta membayar deposit dan jumlah deposit mungkin berbeza dari satu hospital ke satu hospital lain. Selepas keluar dari hospital, hospital akan memberikan diagnosis akhir dan bil terperinci. Anda hanya perlu menyelesaikan sebarang deduktibel, perbelanjaan tidak layak atau perbelanjaan berlebihan yang tidak dilindungi.

Dalam keadaan kemasukan tanpa tunai, anda dinasihatkan untuk membayar rawatan anda terlebih dahulu dan selepas keluar dari hospital, anda boleh memfailkan tuntutan kepada kami.

Kemudahan tanpa tunai tidak menjamin pembayaran penuh bil perubatan akhir anda yang mungkin merangkumi lebih dan pengecualian barang yang mesti dibayar oleh anda.

Sila beritahu kami dalam tempoh 30 hari, sebarang kejadian kemasukan ke hospital bukan panel, rawatan pesakit luar atau sebarang tuntutan yang telah diselesaikan oleh anda. Sila hantarkan borang tuntutan, bil asal yang mengandungi butiran perbelanjaan, resit dan lain-lain dokumen tuntutan yang berkaitan kepada kami untuk diproses.

Dimanakah saya boleh menyemak perlindungan dan had polisi saya?

9

Anda boleh menyemak Portal Pelanggan MyAXA atau hubungi kami di talian **1 300 88 1616**.

Apakah akibat dalam pertukaran polisi dari satu syarikat insurans ke satu syarikat insurans yang lain?

10

Anda mungkin akan dikenakan syarat pengunderaitan baru, tempoh menunggu penuh dan sebarang tempoh yang berkenaan untuk pengecualian penyakit tertentu atau keadaan sedia ada dari pelan baru.

Adakah premium yang dibayar untuk AXA Medic Essential berhak mendapat pelepasan cukai pendapatan?

11

Ya. Premium yang dibayar boleh melayakkan anda untuk pelepasan cukai pendapatan sendiri, tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Lampiran 1: Kadar Premium Tahunan bagi AXA Medic Essential

untuk Kelas Pekerjaan 1 & 2

Umur Tercapai	Smart		Care		Classic		Premier	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
0-5	872	794	985	897	1,094	996	1,631	1,493
6-10	692	630	758	690	842	766	1,255	1,148
11-15	692	630	850	773	968	881	1,443	1,321
16-20	692	630	910	828	1,052	958	1,568	1,435
21-25	761	742	1,003	953	1,157	1,129	1,610	1,607
26-30	817	938	1,062	1,073	1,193	1,256	1,677	1,779
31-35	864	1,119	1,089	1,227	1,210	1,363	1,714	1,937
36-40	1,026	1,341	1,237	1,470	1,374	1,633	1,918	2,261
41-45	1,326	1,644	1,454	1,801	1,615	2,001	2,186	2,820
46-50	1,705	2,093	1,868	2,294	2,075	2,548	2,894	3,594
51-55	2,345	2,566	2,827	3,093	3,141	3,436	4,442	4,838
56-60	3,108	3,139	3,916	3,955	4,351	4,394	6,104	6,191
61-65	3,923	3,952	4,728	4,763	5,253	5,292	7,354	7,471
66-70	4,991	5,004	5,469	5,483	6,076	6,092	8,526	8,546
71-75	6,405	6,122	7,018	6,708	7,797	7,453	10,789	10,415
76-80	7,678	6,988	8,413	7,657	9,347	8,507	12,822	11,885

Nota:

- Kadar di atas adalah dibundarkan kepada Ringgit terhampir.
- Kadar premium bagi umur 66 hingga 80 adalah untuk pembaharuan sahaja.
- Premium di atas adalah sah untuk risiko standard sahaja dan premium dianggap dibayar tahunan.
- Premium untuk Kelas Pekerjaan 3 adalah tambahan 15% daripada premium untuk Kelas Pekerjaan 1 & 2.
- Semua pekerjaan di bawah Kelas 4 tidak dilindungi oleh pelan ini.

Definisi Kelas Pekerjaan

Kelas 1: Orang yang terlibat dalam pekerjaan profesional, pentadbiran, pengurusan, perkeranian dan tugas-tugas bukan manual.

Kelas 2: Orang yang terlibat dalam pekerjaan penyeliaan dan lain-lain yang bukan di bawah Kelas 1 di mana pekerjaan yang mungkin sekali sekala melibatkan kerja manual tanpa penggunaan peralatan atau mesin atau pendedahan diri kepada bahaya. Orang yang dikehendaki membuat perjalanan atas sebab perniagaan atau profesional tetapi tidak terlibat dalam kerja manual.

Kelas 3: Orang yang terlibat dalam pekerjaan manual ringan yang tidak bersifat berbahaya tetapi menggunakan peralatan atau mesin ringan.

Kelas 4: Orang yang terlibat dalam pekerjaan manual berat yang menggunakan peralatan dan mesin berat.

Nota Penting

AXA AFFIN Life Insurance Berhad percaya adalah penting untuk anda menyedari dan memahami kesemua manfaat dan caj di bawah pelan anda.

1. Pelan insurans ini diunderait oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad (200601003992), syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. AXA Medic Essential adalah pelan perubatan tunggal tanpa sertaan dengan bayaran premium berkala yang menyediakan manfaat perubatan dan penghospitalan yang termasuk manfaat pesakit dalam dan pembedahan, rawatan pesakit luar dan manfaat khas. Pelan ini dijamin akan diperbaharui sehingga Orang yang Diinsuranskan berumur 81 tahun.
3. Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang mampu anda bayar.
4. Anda diberi tempoh tangguh 31 hari selepas tarikh akhir bagi membuat bayaran premium anda. Jika anda tidak membayar premium anda selepas tempoh tangguh ini, pelan anda akan luput.
5. Jika anda tidak berpuas hati dengan pelan ini, anda boleh membatalkan pelan anda dengan memulangkan polisi dalam tempoh 15 hari dari tarikh polisi diterima dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat. Kami akan memulangkan premium yang telah dibayar selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
6. AXA Medic Essential tidak melindungi mana-mana penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang ditanggung disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian yang berikut:
 - Penyakit sedia ada;
 - Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh menunggu;
 - Apa-apa hilang upaya, keadaan perubatan atau fizikal serta tanda dan simptomnya yang berlaku dalam tempoh menunggu, kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan;
 - Berkhatan, pemeriksaan mata, pembedahan pembiasan atau prosedur pembedahan untuk gangguan penglihatan kerana astigmatisme, rabun jauh atau rabun dekat (Keratotomi Radial atau Lasik), cermin mata atau kanta lekap, Ultrabunyi Fokus Intensiti Tinggi (HIFU), rhizolisis, pembedahan robotik yang membantu prosedur pembedahan dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya;
 - Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali yang diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku semasa tempoh insurans;
 - Kejururawatan peribadi, rehat pulih atau penjagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, keracunan, pemandulan, penyakit venereal dan penyakit sampingannya, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks berkaitan AIDS (ARC) dan Penyakit berkaitan Virus Kekurangan Imunitas Manusia (HIV), dan apa-apa Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang (kecuali untuk kematian semasa Penghospitalan di Wad Pengasingan yang dilindungi dalam manfaat masing-masing dalam Polisi ini);

Nota Penting

- Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keadaan kongenital atau keabnormalan termasuk penyakit keturunan;
- Kehamilan, keadaan berkaitan dengan kehamilan atau komplikasinya, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan pranatal atau posnatal, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pemandulan;
- Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am yang tidak berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan rawatan atau diagnosis bagi hilang upaya yang dilindungi, apa-apa rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan, ujian dan penyiasatan yang dilakukan untuk tujuan mengecualikan diagnosis selain daripada diagnosis akhir di mana rawatan akhir diberikan, apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan apa-apa rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambahkan berat badan atau pembedahan bariatrik;
- Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman;
- Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan, kekecohan awam atau penderhakaan tentera;
- Pencemaran kimia atau biologikal, sinaran pengionan atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
- Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh Orang yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya;
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon, terapi plasenta/serum, terapi kelasi dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada akutekankan, refleksologi, pengikatan tulang dan rawatan pakar herba, perubatan tradisional dan komplementari (kecuali ditentukan sebaliknya), ubat tambahan, vitamin, herba pemakanan, urut atau aromaterapi atau rawatan alternatif yang lain;
- Penjagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Orang yang Diinsuranskan dan hilang upaya yang timbul akibat tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah kontrak insurans pampasan pekerja;
- Psikitik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik) dan apa-apa keadaan lain yang dikelaskan di dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (Kod DSM-IV) yang diterbitkan oleh Persatuan Psikiatri Amerika;
- Kos/belanja perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;

Nota Penting

- Sakit atau kecederaan yang timbul akibat apa-apa jenis perlumbaan (kecuali lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual dan berlesen untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
- Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
- Sebarang rawatan yang tertumpu kepada kelewatan perkembangan dan/atau masalah pembelajaran Orang yang Diinsuranskan;
- Sebarang rawatan yang hanya menawarkan kelegaan sementara bagi simptom-simptom, pada mana-mana penyakit jangka panjang berbanding dengan menguruskan keadaan perubatan yang sebenar;
- Sebarang ujian diagnostik, prosedur, ujian darah, penyiasatan atau pemeriksaan yang tidak berkaitan langsung dengan diagnosis akhir dan rawatan untuk hilang upaya yang dilindungi; atau
- Pembedahan atau rawatan kosmetik/estetik/plastik, atau rawatan yang berkaitan atau diperlukan kerana rawatan kosmetik sebelumnya. Walau bagaimanapun, Kami akan membayar untuk pembedahan pembentukan semula jika:
 - a. ia dijalankan untuk mengembalikan fungsi atau rupa selepas kemalangan atau pembedahan berikutan daripada keadaan perubatan, dengan syarat bahawa Orang yang Diinsuranskan dilindungi secara berterusan di bawah polisi ini sejak sebelum kemalangan atau pembedahan berlaku;
 - b. dilakukan pada peringkat perubatan yang sesuai selepas kemalangan atau pembedahan; dan
 - c. Kami bersetuju secara bertulis, untuk kos rawatan sebelum ianya dilakukan.

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

7. Risalah ini hanya mengandungi maklumat umum mengenai produk dan tidak mewakili polisi dalam apa jua cara sekalipun. Untuk penerangan terperinci tentang terma-terma dan syarat-syarat dan pengecualian produk ini, sila rujuk kepada lampiran penerangan produk, ilustrasi jualan dan polisi rasmi yang dikeluarkan oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad.

Tiada sebarang cetakan atau kenyataan di muka surat ini.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut

Kami mempunyai pelbagai jenis pelan insurans untuk memenuhi keperluan kewangan anda pada setiap peringkat kehidupan yang berbeza:

Perlindungan

Perubatan

Simpanan

Insurans berkaitan pelaburan

Customer Care Centre

1 300 88 1616

www.axa.com.my

AXA AFFIN Life Insurance Berhad (200601003992)

8th Floor, Chulan Tower, No. 3 Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur.

Member of PIDM

AXA AFFIN Life Insurance Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). As a member of PIDM, some of the benefits insured under the insurance policies offered by AXA AFFIN Life Insurance Berhad are protected against loss of part or all of insurance benefits by PIDM, in the unlikely event of an insurer member failure. For further details of the protection limits and the scope of coverage, please obtain a PIDM information brochure from AXA AFFIN Life Insurance Berhad or visit PIDM website (www.pidm.gov.my) or call PIDM toll free line (1-800-88-1266).